

# Kementerian kaji butir pembelian ekuiti MAS

BH 5 DEC 2000

KEMENTERIAN Kewangan akan membuat keputusan berhubung kemungkinan membeli ekuiti dalam Penerbangan Malaysia (MAS), kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Ia sedang diteliti Kementerian Kewangan. Mereka (kementerian) yang mempunyai wang dan mereka akan membuat keputusan jumlah pembelian, berapa hendak dibayar dan pelbagai perkara lagi," katanya selepas melancarkan pakej perkhidmatan Internet Arcnet, keluaran NTT MSC Sdn Bhd di Kuala Lumpur, semalam.

Minggu lalu, Pengerusi MAS, Tan Sri Tajudin Ramli mengesahkan beliau sudah

memperluangkan dengan serius untuk menjual semua 29.09 peratus kepentingan kawalannya dalam MAS yang terbeban dengan hutang kepada kerajaan.

Pemegang saham asing MAS, Agensi Pelaburan Brunei Jumaat lalu sudah menjual 9.09 peratus kepentingannya Jumaat lalu dipercayai kepada satu lagi agensi kerajaan iaitu Kumpulan Wang Amanah Pencen (KWAP).

Rabu lalu, MAS mengumumkan mencatat kerugian bersih RM398.04 juta untuk tempoh enam bulan sehingga 30 September 2000, berbanding keuntungan bersih RM275.01 juta pada tempoh

sama tahun 1999.

Sepanjang tempoh kajian perolehan dagangan meningkat kepada RM4.57 bilion daripada RM3.81 bilion sebelumnya.

MAS yang kini sedang dalam penyusunan semula dilaporkan bakal mempunyai rakan strategik iaitu SwissAir apabila syarikat induknya SAir Group dari Switzerland sudah mengesahkan membuat ketekunan wajar (semaikan buku akaun) MAS.

Jika cadangan itu berhasil, selain mempunyai rakan strategik asing MAS juga mungkin menyertai pakatan 10 syarikat penerbangan Eropah, Qualiflyer.

Pemegang saham utama

MAS, Tan Sri Tajudin Ramli bersedia melupuskan semua kepentingannya kepada kerajaan yang kini memegang seunit saham penentu dalam syarikat penerbangan itu.

Kerajaan, menerusi Menteri Kewangan Diperbadankan (MoF), kemudiannya akan menjual tidak kurang daripada 10 peratus ekuiti dalam MAS kepada syarikat asing yang berminat membelinya.

Keputusan muktamad mengenai perkara itu dijangka diumumkan kerajaan akhir bulan ini atau selewat-lewatnya awal tahun depan bagi membolehkan penyertaan ekuiti itu dibuat secepat mungkin.

Serentak proses itu, Tajudin yang kini Pengerusi MAS akan berundur untuk memberi laluan kepada barisan peneraju korporat baru yang dijangka turut memabitkan kemunculan tokoh asing.